



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	22/2/2012

Sokong Anwar sama seperti sokong Israel

PARIT: Rakyat yang menyokong Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan perjuangannya bersama pakatan pembangkang pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) adalah sama seperti menyokong Israel.

Itu mesej akan disampaikan Pemuda UMNO yang akan melancarkan siri ceramah dan sesi penerangan di seluruh negara tidak lama lagi bagi mengingatkan rakyat mengenai kedudukan Anwar sebagai pemimpin pro-Israel serta kesan bakal diterima mereka jika terus menyokong Ketua Umum PKR itu.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin, berkata walau apa pun alasan Anwar terutama ketika bertemu Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat, semalam, apa yang pasti sudah jelas tertulis dalam akhbar *Wall Street Journal* (WSJ) bahawa Ketua Pembangkang itu menyokong segala tindakan mempertahankan keselamatan Israel.

"Israel akan menjustifikasi keselamatan mereka dengan apa juga cara termasuk membunuh rakyat dan kanak-kanak Palestin, itu yang dapat sokongan Anwar, ia sokongan politik.

"Bagi rakyat Malaysia terutama beragama Islam, isu Palestin amat dekat di hati dan kita perlu memastikan rakyat memahami apa yang disebut Anwar itu adalah pendirian beliau." katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Pemuda UMNO Kebangsaan di sini, semalam.

Khairy juga meminta Anwar tidak hipokrit apabila cuba beralih dengan membangkitkan isu kononnya kenyataannya itu sama seperti pendirian Kerajaan Malaysia kerana walaupun tiada hubungan politik dan diplomatik tetapi ada hubungan perdagangan dengan Israel.

Beliau berkata, sebagai Ahli Parlimen dan bekas anggota Kabinet, Anwar seharusnya mengetahui hubungan perdagangan didakwa itu bukan membabitkan kedua-dua negara tetapi antara syarikat antarabangsa berpangkalan di Malaysia dan Israel.

"Kelonggaran untuk syarikat berdagang dengan syarikat dari Israel dibuat Kabinet pada 1996, siapa Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika itu jika bukan Anwar sendiri.

"Hari ini dia kata seolah-olah tidak tahu tetapi sebenarnya dia menteri bertanggungjawab membenarkan perkara ini. Ia perlu diketahui orang ramai.

"Dia tidak boleh cakap perkara ini dibuat kerajaan Barisan Nasional (BN) tanpa pengetahuannya sendiri," katanya.